

24/05/2003

ILMC tetapkan tiga pelan tindakan

KUALA LUMPUR: Perundingan Kedua Pemimpin Masyarakat Islam Antarabangsa Bagi Menangani HIV/Aids (ILMC) yang berakhir di sini semalam, menetapkan tiga pelan tindakan bagi memastikan keberkesanan persi-dangan akan datang.

Pelan tindakan itu menetapkan:

- * Peserta dan anggota mesti sentiasa membabitkan diri secara langsung dalam usaha mencegah HIV/Aids dan memberi komitmen penuh bagi membantu pengidap HIV/Aids.

- * Berkongsi maklumat dan dokumen dalam usaha menangani HIV/Aids, dan

- * Menyusun pelbagai aktiviti dan memastikan jawatankuasa perundingan akan datang berfungsi dengan baik.

Pengerusi pertama persidangan itu, Dr Magid Kagimu, yang juga Presiden Persatuan Perubatan Islam Uganda berkata, butir terperinci pelan tindakan

itu akan dikeluarkan secara rasmi tiga bulan lagi.

Beliau berkata demikian pada majlis penutup ILMC kedua yang disempurnakan Pengerusi Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Datuk Mohd Shahir Abdullah.

Dalam ucapannya, Marina berkata, majlis perundingan itu berhasil mencapai banyak perkara dalam usaha memerangi dan menangani HIV/Aids.

Beliau berkata, perundingan itu memberi peserta peluang meningkatkan pengetahuan mengenai Aids dan agama.

Marina berkata, perbincangan juga bukan saja membabitkan isu HIV/Aids, malah isu serangan ke atas negara Islam.

"Serangan itu berlaku kerana kita selalu membiarkan dan tidak mengambil

peduli apa yang berlaku di sekeliling kita, tetapi ia dapat diatasi dengan

semangat hormat menghormati antara satu dengan lain, mengambil berat dan mempunyai rasa belas ihsan antara manusia," katanya.